



Modul

UNGGUL PRESTASI SEMARAK REALITI

(UPSR)

BAHASA MELAYU

MAKLUMAN:

1. Modul Latihan ini dibina oleh Jurulatih Bahasa Melayu berpengalaman adalah sebagai suatu panduan kepada pihak sekolah dalam usaha memantapkan kefahaman dalam menggunakan format baru UPSR 2016.
2. Modul ini mesti dimanfaat sepenuhnya oleh pihak sekolah selain penggunaan modul lain yang dibina di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) atau hasil binaan guru sendiri.
3. Jabatan Pendidikan Negeri Perak akan memantau penggunaan modul melalui satu sistem yang akan dimaklumkan.

Selamat maju jaya.

PANDUAN FORMAT BAHARU BAHASA MELAYU

A. BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN (011/021/031)

1. Tempoh Ujian: 1 Jam 15 Minit
2. Bahagian/Bilangan Soalan:
Bahagian A : 20 markah
Bahagian B : 5 markah
Jumlah : 25 markah
3. Jumlah Markah:
Bahagian A : 20 markah
Bahagian B : 30 markah
Jumlah : 50 markah
4. Jenis Instrumen:
Objektif dan Subjektif
5. Jenis Item:
 - * Objektif Aneka Pilihan (Pilihan Jawapan A,B,C,D dan Pilih jawapan yang paling sesuai)
 - * Objektif Pelbagai Bentuk
 - * Respon Terhad (Struktur)

Nota: **Dalam modul ini, contoh latihan yang diberikan adalah Bahagian B sahaja.**
Soalan Bahagian A masih sama seperti format UPSR yang terdahulu.

B. BAHASA MELAYU – PENULISAN (012/022/032)

1. Tempoh Ujian: 1 Jam 15 Minit
2. Bahagian/Bilangan Soalan:
Bahagian A : 1 soalan - Mesti jawab
Bahagian B : 1 soalan - Mesti jawab
Bahagian C : 2 soalan - Jawab 1 daripada 2 soalan
3. Jumlah Markah:
Bahagian A : 10 markah
Bahagian B : 15 markah
Bahagian C : 25 markah
Jumlah : 50 markah
4. Jenis Instrumen:
Subjektif
5. Jenis Item:
Respon Terbuka
 - * Menghasilkan atau mengolah sesuatu idea secara asli/autentik (dapat dipercayai atau dijadikan pegangan)
 - * Membuat pertimbangan dan penilaian/rumusan tentang sesuatu idea atau maklumat

Nota: Contoh latihan yang diberikan adalah menepati kehendak format baharu Bahasa Melayu UPSR.

Skema jawapan tidak disediakan. Pihak Lembaga Peperiksaan belum memaklumkan penskoran, oleh itu pihak sekolah boleh menyediakan skema jawapan sendiri.

PEMAHAMAN
(Bahagian B)
PENGGUNAAN KATA

ITEM: ISI TEMPAT KOSONG

Contoh 1

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

| | | | |
|----------------|-----------|-----------|--------|
| berlumba-lumba | dimulakan | berhijrah | kepada |
| dilahirkan | asing | mencipta | kaedah |

Alexander Graham Bell (1)_____ pada tahun 1847 di Scotland.

Namanya tidak (2)_____ lagi di dunia ini dengan kejayaanya.

Beliau merupakan orang pertama yang berjaya (3)_____ telefon.

Pada tahun 1870, beliau sekeluarga (4)_____ ke Kanada.

Kemudian, beliau ke Boston, Massachusetts. Pada zaman itu, ramai orang (5)_____ mencipta alat perhubungan komunikasi. Hasil usaha beliau ini membolehkan kita hidup dengan senang untuk berkomunikasi pada masa kini.

[5 markah]

Contoh 2

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

| | | | | |
|----------|----------|----------|-------------|-----------|
| kebaikan | terpahat | sambutan | impian | lawatan |
| pujian | unjuran | cadangan | tersembunyi | keindahan |

1. Shamira telah mengemukakan beberapa _____ tempat pembuatan batik di Negeri Terengganu.
2. Keenakan masakan di restoran Pak Yaakob mendapat _____ pelanggannya yang datang.
3. _____ anak sulung Puan Yati untuk menjadi seorang doktor akhirnya tercapai.
4. _____ Pulau Kapas menjadi tarikan pelancong luar negara.
5. Peristiwa ngeri itu sentiasa _____ dalam ingatannya sehingga kini.

[5 markah]

Contoh 3

Isi tempat-tempat kosong dalam ayat dengan kata sendi nama yang paling sesuai.

1. Rombongan itu datang _____ Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Pelbagai promosi dijalankan _____ menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2015.
3. Puan Salmah meminta anak perempuannya membeli kain batik sebagai cenderamata semasa menyertai lawatan _____ Terengganu.
4. Cahaya matahari jelas kelihatan _____ kaki langit pada waktu senja di Pantai Cherating.
5. Walaupun dia berbangsa Cina, tetapi sangat fasih bertutur _____ bahasa India.

[5 markah]

Contoh 4

Isi tempat-tempat kosong dalam petikan dengan perkataan yang paling sesuai.

Sisa buangan dari rumah dan ladang yang tidak digunakan lagi boleh diproses semula. Sisa buangan (1)_____ telah diproses ini amat bermanfaat kepada manusia dan alam sekitar. Sisa buangan (2)_____ rumah boleh menghasilkan baja organik. Baja ini amat bermanfaat (3)_____ menyuburkan tanah (4)_____ tumbuhan. Sisa buangan mempunyai nilai yang tinggi jika diurus (5)_____ baik. Sisa buangan yang bermanfaat ini juga dapat meningkatkan pendapatan serta pelestarian alam.

[5 markah]

Contoh 5

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan kata kerja pasif yang betul.

1. Pinggan mangkuk yang _____ untuk meletakkan makanan hendaklah bersih.
2. Airil _____ oleh ibunya kerana mengotorkan permaidani itu.
3. Pakaian yang baru dibasuh itu belum _____.
4. Periuk belanga yang _____ oleh Mak Cik Leha sudah kering.
5. Semua kerusi di dewan itu _____ oleh murid tahun enam semalam secara bergotong-royong.

[5 markah]

ITEM: MEMBULATKAN JAWAPAN

Contoh 1

Bulatkan kata bantu yang terdapat dalam ayat di bawah.

- a. Kita mesti mematuhi peraturan jalan raya.
- b. Pak Mat sedang menyusun kotak kosong di belakang rumahnya.
- c. "Sukan tahunan SK Sungai Rapat telah diadakan pada bulan lepas," kata Siva kepada Mahanum.
- d. Badrul masih menyimpan piala kemenangannya dalam pertandingan lumba basikal 15 tahun yang lalu.

[4 markah]

Contoh 2

Bulatkan kata adjektif yang terdapat dalam ayat di bawah.

- a. Perjalanan ke tempat itu mengambil masa tiga hari kerana jaraknya yang amat jauh.
- b. Banjir melanda pantai timur setelah hujan turun dengan lebat selama beberapa hari.
- c. Kempen makan buah-buahan tempatan yang diadakan di Kuala Kangsar mendapat sambutan hangat daripada orang ramai.
- d. Suasana di pesta itu bertambah meriah apabila pengunjung dihiburkan oleh artis-artis terkenal.

[5 markah]

Contoh 3

Bulatkan kata hubung yang terdapat dalam ayat di bawah.

- a. Menang atau kalah merupakan adat dalam sesuatu pertandingan.
- b. Haji Shahrul Anuar bukan sahaja pemurah malahan baik hati.
- c. Pasu bunga kesayangan Nabilah terjatuh kerana dilanggar oleh Si Comel. Nabilah sangat marah lalu mengejar kucing itu.

[5 markah]

ITEM: MENGGARIS JAWAPAN

Contoh 1

Garisi kata adjektif yang terdapat dalam ayat-ayat di bawah.

- a. Buah rambai manis itu dipetik dari kebun datuk oleh nenek.
- b. Pakaian lembap dijemur di ampaian oleh ibu di halaman rumah.
- c. Anak comel itu merupakan kesayangan kedua-dua ibu bapanya.
- d. Pasukan bola sepak Perak yang memakai jersi kuning menjadi johan Liga Bola Sepak Peringkat Kebangsaan.
- e. Kereta lama ayah tersimpan di dalam garaj sejak tiga tahun lepas.

[5 markah]

Contoh 2

Garisi kata penguat yang terdapat dalam ayat di bawah.

- a. “Harga makanan yang dijual di restoran itu mahal betul,” kata Pak Cik Ramli.
- b. Sakit benar kaki saya apabila terpijak paku payung itu.
- c. Badannya agak susut setelah menghidap penyakit kronik itu.
- d. Murid yang baru berpindah ke sekolah ini bijak amat.
- e. Indah nian pemandangan di tepi pantai pada kala matahari terbenam.

[5 markah]

ITEM: PADANAN

Padangkan pernyataan di bawah berdasarkan **kata kerja** yang diberikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

Pak Alias **menakik** batang pokok kelapa itu dengan sebilah parang yang tajam.

BETUL

Ibu sedang **menyiram** pokok bunga di taman mini supaya hidup subur.

Pekerja-pekerja itu **memperlebarkan** jalan untuk masuk ke Kampung Damai.

SALAH

Budak-budak prasekolah itu menunggu giliran untuk **memperaga** pakaian beragam masing-masing.

[3 markah]

ITEM: MEMBETULKAN PERKATAAN

Contoh 1

Betulkan kesalahan penggunaan penjodoh bilangan dalam ayat yang diberi.

- i. Tiap-tiap pagi, ayah saya makan seketul telur ayam kampung masak separuh sebagai sarapannya.

- ii. Buruh-buruh binaan itu sedang mengalihkan beberapa tongkol batu bata yang ada di tepi jalan itu.

- iii. Berat timbangan seruas pisang nangka yang baru ditebang oleh ayah itu ialah sepuluh kilogram.

[3 markah]

Contoh 2

Kesan perkataan yang salah penggunaan imbuhananya. Kemudian, tulis perkataan yang betul dalam ruang disediakan.

| | |
|--|--|
| a. Kami mendengar datuk bercerita kisah silam dengan khusuk sekali. | |
| b. Majlis perlantikan pengawas sekolah akan diadakan pada hari Isnin | |
| c. Guru-guru sedang membincangkan tentang tempat yang sesuai untuk dilawati. | |
| d. Bas penyiaran yang membawa pelancong itu bertolak ke arah utara. | |
| e. Beliau menasihatkan kami supaya terus berusaha tanpa hingga berjaya. | |
| f. Pengurus syarikat itu menghadiahinya sebuah motosikal kepada Encik Dali. | |

[6 markah]

ITEM: MENYENARAI

Senaraikan kata berimbahan pinjaman yang terdapat dalam petikan di bawah.

Persatuan Penduduk Taman Seri Wijaya telah mengadakan perjumpaan dwibulanan. Perjumpaan itu bertujuan untuk membincangkan pembinaan gelanggang multifungsi untuk aktiviti rekreasi penduduk. Sebelum itu, murid-murid prasekolah telah mempersembahkan pertunjukan silat. Pertunjukan itu dibimbing oleh seorang mahaguru silat yang terkenal. Gelanggang yang akan dibina nanti akan memberikan manfaat kepada ahli komuniti agar mereka tidak antisosial dan sentiasa proaktif. Seorang dermawan juga berhasrat untuk menyumbangkan sumber kewangan bagi menjayakan aktiviti yang dirancang.

- 1
- 2
- 3
- 4

[4 markah]

PEMAHAMAN
(Bahagian B)
SINTAKSIS

ITEM: BETUL ATAU SALAH

Tandakan (✓) bagi ayat yang betul dan (X) pada ayat yang salah.

- i. Aziz adalah pelumba basikal yang terkenal.

- ii. Hadiah ini adalah untuk adik saya.

- iii. Wanita yang berbaju merah itu adalah kakak saya.

- iv. Berita yang disebarluaskan melalui media sosial itu adalah palsu.

- v. Beras adalah makanan utama bagi masyarakat timur.

ITEM: MEMBINA AYAT / MENULIS DIALOG

- a. Tulis ayat tanya yang paling sesuai bagi jawapan yang diberi.

Ayat tanya:

Jawapan:

Durian, manggis, cempedak, dan rambutan merupakan antara buah-buahan tempatan yang terdapat di negara kita.

[2 markah]

- b. Tulis dialog yang paling sesuai bagi watak di bawah.



Saya suka melancong ke Pulau Ketam kerana pantainya yang bersih dan cantik.

[2 markah]

ITEM: MEMBUAT PERBANDINGAN

Tandakan “A” pada ayat yang mempunyai satu subjek dan “B” pada ayat yang mempunyai berbilang subjek.

i. Kuda belang itu mampu berlari pantas sangat.

ii. Lembu dan kambing mempunyai sepasang tanduk.

iii. Burung hantu memburu makanan pada waktu malam.

iv. Unta antara binatang yang boleh hidup di padang pasir.

v. Monyet dan beruk bergayutan di atas pokok rambutan itu.

vi. Kunang-kunang dapat mengeluarkan cahaya pada waktu malam.

[6 markah]

PEMAHAMAN

(Bahagian B)

PERIBAHASA

ITEM: PADANAN BERPANDU

Tuliskan simpulan bahasa yang sesuai pada tempat yang disediakan berdasarkan maksud yang diberi.

| | | | | |
|------------------|---|--|--------|-----------|
| a. orang harapan | → | | ayam | api |
| b. penghasut | → | | cacing | emas |
| c. gelisah | → | | batu | tambatan |
| d. baik hati | → | | hati | kepanasan |
| e. sompong | → | | naik | tinggi |
| f. meradang | → | | hidung | angin |

[6 markah]

ITEM: PADANAN TERTUTUP

Padankan simpulan bahasa dengan maksud yang sesuai.

| | |
|----------------|-----------------------------|
| anak cucu | |
| jantung hati | |
| bau-bau bacang | |
| cangkul angin | |
| sejuk hati | |
| | tali persaudaraan yang jauh |
| | perbuatan yang sia-sia |
| | keturunan |
| | orang yang amat disayangi |
| | tenang |

[4 markah]

ITEM: ISI TEMPAT KOSONG

- a. Jawab soalan berikut berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

| | | | |
|--------------|---------------|--------------|---------------|
| buah fikiran | sakit telinga | rambang mata | mencolok mata |
| buaya darat | puteri lilin | khabar angin | tawar hati |

1. Semua murid tahun enam digalakkan mengeluarkan _____ sebelum menulis karangan.
2. Anak orang kaya itu menjadi sasaran _____ untuk mendapatkan hartanya.
3. Berita mengenai keberangkatannya ke luar negara hanya _____ sahaja.
4. Dia berasa _____ membuat pilihan pakaian yang dipamerkan di gedung beli-belah itu.
5. Baru setengah jam berjemur dia sudah jatuh pengsan kerana dia seorang _____.

[5 markah]

- b. Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan **peribahasa** yang paling sesuai.
1. Hana dan Sofea _____ kerana sering bergaduh walaupun puncanya kecil sahaja.
 2. Jalan raya menuju ke Cameron Highlands agak curam dan bengkang-bengkok seperti _____.
 3. Pada cuti hujung minggu, Encik Osman membawa keluarganya _____ ke taman bunga.
 4. _____ Puan Mazni apabila mendapat berita bahawa suaminya telah meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya.
 5. Penduduk Taman Bunga Raya sering melakukan kerja-kerja gotong-gotong bagi _____.

[5 markah]


ITEM: RESPON BERDASARKAN GAMBAR

Soalan berikut berdasarkan gambar di bawah.



Nyatakan **simpulan bahasa** yang sesuai berdasarkan gambar di atas.

[2 markah]



Nyatakan **peribahasa** yang sesuai berdasarkan gambar di atas.

[2 markah]

PEMAHAMAN

(Bahagian B)

KEFAHAMAN

A. JADUAL

Teliti jadual di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Markah Ujian Bahasa Malaysia Bulan Februari Tahun 6B

| Nama Murid | Markah | Nama Murid | Markah |
|--------------------|------------------|--------------------------|------------------|
| Azman bin Ramli | 62 | Nandini a/p Jegathesan | 79 |
| Boh Su Shan | 77 | Ong Lee Jing | 86 |
| Chew Mei San | 51 | Ariana binti Robert Owen | 90 |
| Cindy Law Mei Kuan | 69 | Robert Owen | 11 |
| Douglas Lim | 73 | Rozana binti Syuib | 60 |
| Faizal bin Tahir | 13 | Salleh bin Amin | 57 |
| Gan Su Yi | 47 | Tan Eng Lock | 35 |
| Havinder Kaur | 81 | Tan Poh Mooi | 78 |
| Jamal bin Ahmad | 23 | Yap Chin Man | 98 |
| Mohan a/l Mutusamy | 74 | Yong Kai Hin | 56 |
| A 81 – 100 | B 61 – 80 | C 41 – 60 | D 21 – 40 |
| | | | E 0 – 20 |

a. _____ mendapat markah paling tinggi.

[1 markah]

b. _____ orang murid gagal dalam ujian tersebut.

[1 markah]

c. Pada pendapat kamu, bilakah jadual ini dibuat?

[2 markah]

d. Apakah kegunaan jadual ini kepada guru?

[3 markah]

B. BAHAN SASTERA

Baca dan fahami puisi di bawah. Kemudian , jawab soalan- soalan yang berikut.

Tersemat di benak dara berenam,
Perawan yang baik dijadikan tamsil;
Bioteknologi ternak dan tanam,
Baka terbaik akan terhasil.

Sungguh tampan Putera Rokan,
Cukup sifat seorang pemuda;
Banyak istimewa lembu kacukan,
Membesarnya cepat daging berganda.

Cantik puteri raja berkenan,
Sopan menghadap junjung titahnya;
Maju industri keluaran makanan,
Rasa yang sedap lama tahannya.

Indahnya batu permata pujaan,
Tidaklah hairan cantik memikat;
Pertanian itu satu perniagaan,
Produk hiliran dapat ditingkat.

- a. Nyatakan **dua** sumbangan bioteknologi dalam bidang pertanian.

- i. _____
ii. _____

[2 markah]

- b. Nyatakan **dua** keistimewaan lembu kacukan.

- i. _____
ii. _____

[2 markah]

- c. Senaraikan **dua** produk kelapa sawit yang kamu tahu.

- i. _____
ii. _____

[2 markah]

Baca dan fahami puisi di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikut.

Satu Rasa Pelbagai Budaya

Negara Malaysia diberi nama,
Berbilang bangsa hidup bersama,
Perpaduan rakyat agenda utama,
Agar keamanan berkekalan lama.

Pelbagai bangsa pelbagai amalan,
Adat yang baik perlu berkekalan,
Pegangan agama jadi bekalan,
Agar hidup tiada sesalan.

Rumah terbuka tamu diundang,
Aneka juadah sedia terhidang,
Tose, kuih bulan dan juga rendang,
Rakyat seronok untuk bertandang.

Pelbagai bangsa pelbagai budaya,
Dirai bersama setiap raya,
Hidup beradat saling percaya,
Rakyat bersatu negara berjaya.

- a. Mengapakah kita perlu bersatu padu?

[1 markah]

- b. Apakah keseronokan menghadiri rumah terbuka?

[2 markah]

- c. Berdasarkan rangkap keempat dalam puisi di atas berikan **peribahasa** yang sesuai.

[2 markah]

Baca sajak di bawah, kemudian jawab soalan-solan yang berikutnya.

Alam Sekitar Tanggungjawab Kita

Alam sekitar tanggungjawab kita
Keindahan perlu dijaga
Tempat kehidupan
Manusia, flora, fauna
Indahnya suasana

Alam sekitar tanggungjawab kita
Asap, toksik dan sisa
Hindarinya di mana sahaja
Ceria alam kita
Bersih dan selesa

Alam sekitar tanggungjawab kita
Amalkan kitar semula
Teknologi hijau usah dilupa
Alam sekitar terpelihara
Hidup kita sejahtera

- a. Apakah yang harus kita lakukan untuk menjaga alam sekitar berdasarkan rangkap kedua puisi?

[2 markah]

- b. Berikan **3** kesan yang mungkin berlaku jika kita tidak menjaga alam sekitar.

[3 markah]

C. BERITA

Baca berita di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

SHAH ALAM, 19 Oktober 2015 – **Rapid** Bus Sendirian Berhad, pengendali bus ‘Rapid KL’ hari ini memperkenalkan perkhidmatan bas dua tingkat bagi laluan U64 iaitu dari Taman Sri Muda, Seksyen 25 Shah Alam ke Pasar Seni, Kuala Lumpur.

Pengurus Zon Tiga, Sarifudin bin Saidin berkata, perkhidmatan itu adalah untuk laluan keempat menggunakan kemudahan bas dua tingkat selepas laluan U80 dari Seksyen Dua, Shah Alam ke Pasar Seni, U30 dari Ampang ke KLCC dan dari Kajang ke Jalan Silang di ibu kota.

“Bagi laluan U64 ini, kami memperuntukkan empat buah bas dua tingkat kerana jumlah pengguna di sini mencatat hampir 5,000 penumpang sehari pada hari bekerja dan meningkat kepada 6,000 orang penumpang pada hari cuti,” kata beliau dalam sidang akhbar pagi tadi.

“Tiada bayaran tambahan akan dikenakan kepada para pengguna yang menaiki bas dua tingkat ini, kadar tambangnya tetap sama seperti bas Rapid KL yang lain,” katanya kepada pemberita selepas memperkenalkan perkhidmatan bas berkenaan di sini hari ini.



LALUAN JARAK DEKAT – RAPID KL

| Nombor Laluan | Destinasi (Perhentian Bas) | Jumlah Bas |
|---------------|---------------------------------------|------------|
| U4 | Desa Aman Puri – Medan Pasar | 6 buah |
| U7 | Segambut / Bukit Kiara – Bangkok Bank | 6 buah |
| U8 | Damansara Damai – Medan Pasar | 5 buah |
| U11 | Taman Sri Sinar – Medan Pasar | 5 buah |
| U13 | Taman Ehsan – Medan Pasar | 4 buah |
| U14 | Seri Segambut – Bangkok Bank | 4 buah |
| U209 | Taman Intan Baiduri – Medan Pasar | 4 buah |
| U222 | Jinjang Utara – Medan Pasar | 4 buah |

Kadar tambang yang dikenakan bagi perjalanan sehala dari Taman Sri Muda ke Pasar Seni ialah RM3.00 bagi setiap penumpang. Menurutnya lagi, sejak perkhidmatan bas dua tingkat ini dilancarkan September lepas, perkhidmatan berkenaan telah mendapat sambutan yang amat baik dan memberangsangkan daripada para pengguna.

“Ada pengguna yang mahu perkhidmatan bas itu disediakan di semua laluan Rapid KL tetapi perkhidmatan ini masih tertakluk kepada kesesuaian laluan memandangkan bas berkenaan adalah setinggi 4.2 meter,” katanya, semasa mengulas permintaan pelanggan.

Sehingga kini 14 daripada 40 buah bas dua tingkat telah beroperasi di sekitar Lembah Klang. Bas berkenaan yang mampu membawa sehingga 108 orang penumpang pada setiap masa dilengkapi pelbagai kemudahan antaranya tandas dan kemudahan rangkaian kawasan setempat (Wifi) secara percuma. Selain itu, perkhidmatan bas dua tingkat Rapid KL ini juga sangat mesra pelanggan. Bas ini amat istimewa kerana mesra untuk orang kurang upaya (OKU).

(Dipetik daripada sumber; Bernama)

- a. Perkataan ‘*rapid*’ merujuk kepada perkhidmatan bas yang _____. [1 markah]
- b. Nyatakan laluan yang diperkenalkan oleh ‘Rapid KL’ melalui perkhidmatan bas dua tingkat yang bermula pada 19 Oktober 2015.
- _____
- _____
- _____
- [2 markah]
- c. Mengapakah perkhidmatan bas dua tingkat ‘Rapid KL’ tidak dapat disediakan bagi kesemua laluan yang meliputi Shah Alam dan Kuala Lumpur?
- _____
- _____
- _____
- [2 markah]
- d. Berapakah anggaran penumpang perkhidmatan bas dua tingkat ‘Rapid KL’ bagi hari-hari bekerja dan hari-hari cuti umum? Nyatakan anggaran lebihan penumpang bagi hari cuti umum dengan hari bekerja?
- _____
- _____
- _____
- _____
- [3 markah]

D. CARTA

Teliti carta di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.



- a. Bilakah pendidikan tentang alam sekitar perlu diajarkan?

[1 markah]

- b. Berikan satu contoh penguatkuasaan undang-undang penjagaan alam sekitar ?

[1 markah]

- c. Pada pendapat kamu, mengapakah aktiviti penanaman pokok dapat mengatasi masalah pemanasan global?

[2 markah]

- d. Cadangkan **dua** aktiviti yang boleh dijalankan di sekolah kamu bagi mengelakkan pemanasan global.

[2 markah]

E. PETIKAN

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Setiap orang memerlukan sahabat dalam hidupnya. Sahabat merupakan orang yang rapat dengan kita selepas kedua-dua orang tua kita. Sahabat memainkan peranan yang penting dalam hidup kita.

Sahabat dapat mempengaruhi perwatakan kita. Hubungan yang rapat antara kita dengan sahabat merupakan faktor utama situasi ini berlaku.

Selain itu, kita lebih *cenderung* berkongsi cerita atau masalah dengan sahabat berbanding dengan ibu bapa atau adik-beradik yang lain. Hal ini demikian kerana sahabat dianggap lebih memahami sikap dan perasaan kita.

Tambahan pula, sahabat yang mempunyai sikap-sikap positif dapat mempengaruhi kehidupan kita. Kita akan mudah mencontohi nilai-nilai positif yang ada pada diri sahabat kita. Oleh itu, kita akan mempunyai akhlak yang baik dan sahsiah yang tinggi.

Seorang sahabat yang baik akan sentiasa memberi dorongan dan nasihat kepada sahabatnya untuk melakukan sesuatu yang membawa kebaikan bersama.

Kesimpulannya, sahabat memainkan peranan penting dalam menentukan arah hidup kita. Oleh yang demikian, berhati-hatilah ketika memilih sahabat.

- a. Perkataan *cenderung* dalam petikan boleh juga digantikan dengan perkataan

[1 markah]

- b. Bagaimakah seorang sahabat mampu mempengaruhi perwatakan kita?

[2 markah]

- c. Nyatakan **dua** ciri seorang sahabat yang baik?

[2 markah]

- d. Apakah erti sahabat? Nyatakan **dua** tindakan daripada seorang sahabat yang boleh membantu kamu dalam kesusahan?

[3 markah]

PENULISAN
(Bahagian A)
MEMINDAHKAN MAKLUMAT

Bahagian A


[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

1. Gambar Tunggal

Gambar di bawah menunjukkan suasana di pejabat pos.

Tulis lima ayat yang lengkap tentang aktiviti-aktiviti berdasarkan gambar.



Bahagian A

10

Bahagian A


[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

2. Gambar Bersiri

Gambar di bawah menunjukkan suasana pertandingan melukis.

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang aktiviti-aktiviti berdasarkan gambar-gambar yang diberikan.



Bahagian A

10

Bahagian A


[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

3. Gambar Berpusat

Gambar di bawah menunjukkan kegunaan pokok kelapa.

Tulis lima ayat yang lengkap tentang kegunaan pokok kelapa berdasarkan gambar.



Bahagian A

10

Bahagian A


[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

4. Peta Lakar

Gambar di bawah menunjukkan peta lakar

Tulis lima ayat yang lengkap berdasarkan peta lakar di bawah.



Bahagian A

10

Bahagian A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

5. Jadual

Rajah di bawah menunjukkan jadual Aktiviti Sambutan Bulan Patriotik Sekolah Kebangsaan Cempaka Indah.

Tulis lima ayat lengkap tentang aktiviti sambutan bulan patriotik berdasarkan jadual.

Jadual Aktiviti Bulan Patriotik Sekolah Kebangsaan Cempaka Indah

| Tarikh | Aktiviti | Penyertaan |
|--------------|--|---------------------------|
| 3 Ogos 2015 | Pertandingan Melukis Gambar Tokoh-tokoh Pejuang Tanah Air | Murid Tahap 2 |
| 7 Ogos 2015 | Pertandingan Mendeklamasikan Sajak | Murid Tahun 2 dan Tahun 3 |
| 13 Ogos 2015 | Pertandingan Melukis Jalur Gemilang dan Mewarna Identiti Negara | Murid Tahun 1 |
| 21 Ogos 2015 | Peraduan Melengkapkan Teka Silang Kata | Murid Tahun 4 dan Tahun 5 |
| 29 Ogos 2015 | Nyanyian Koir Lagu Patriotik Lakonan Sejarah Kemerdekaan Pantomim Ambang Kemerdekaan | Murid Tahun 5 Dan Tahun 6 |
| 2 Sept. 2015 | Perarakan Jalur Gemilang | Murid Tahap 1 dan Tahap 2 |

Bahagian A

10

Bahagian A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

6. Susunan Rancangan

Jadual di bawah menunjukkan susunan rancangan sebuah stesen televisyen .

Tulis lima ayat lengkap tentang susunan rancangan mengikut Stesen TV5 tersebut.

Susunan Rancangan TV5

| Pagi | Petang |
|--|---|
| 6.30 - Motivasi Diri | 2.30 - Dunia Wanita |
| 7.00 - Berita | 3.30 - Cuti-cut Malaysia |
| 7.30 - Senaman pagi | 5.00 - Berita Ringkas |
| 7.45 - Pagi Bersama TV5 | 5.10 - Filem Kita: "Puteri Gunung Ledang" |
| 9.45 - Berita Ringkas | |
| 9.55 - Alam Kanak-kanak "Puteri Salji" | |
| Tengah Hari | Malam |
| 12.00 - Berita Ringkas | 7.00 - Drama Cina |

Bahagian A

10

Bahagian A


[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

7. Graf

Lihat graf bar di bawah dengan teliti.

Tulis lima ayat yang lengkap tentang markah ujian Bahasa Malaysia berdasarkan graf.



Bahagian A

10

Bahagian A


[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

8. Peta

Gambar di bawah menunjukkan peta kawasan Kampung Rupa.

Tulis lima ayat yang lengkap tentang peta di bawah.



Bahagian A

10

PENULISAN
(Bahagian B)
MEMBUAT ULASAN

Bahagian B

[15 markah]

[Masa dicadangkan : 25 minit]

1. Teks

Baca petikan di bawah.

Tulis ulasan tentang ciri-ciri pelajar cemerlang dalam bentuk perenggan.

Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Kecemerlangan dalam bidang akademik merupakan idaman dan impian setiap pelajar. Pelajar cemerlang merupakan aset negara. Golongan pelajar seperti inilah yang akan mencorakkan masa depan negara.

Antara ciri utama pelajar cemerlang ialah pencapaian yang memberangsangkan dalam bidang akademik. Pelajar cemerlang sentiasa memberikan tumpuan terhadap pelajaran dan proses pembelajaran di sekolah. Pelajar seperti ini akan membuat persediaan awal bagi menghadapi peperiksaan. Justeru, pelajar cemerlang akan belajar bersungguh-sungguh untuk memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan seperti kata peribahasa kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.

Selain itu, pelajar cemerlang ialah pelajar yang mengutamakan disiplin diri. Disiplin merupakan penentu kejayaan seseorang dalam kehidupan. Pelajar cemerlang sentiasa mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak sekolah mahupun ibu bapa. Oleh hal yang demikian, pelajar yang berdisiplin tidak akan mendekati gejala sosial yang merugikan agama, bangsa dan negara.

Pelajar yang cemerlang juga merupakan pelajar yang cergas dalam kegiatan kurikulum. Pelajar cemerlang akan mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti luar bilik darjah secara aktif seperti kegiatan-kegiatan persatuan, badan beruniform, permainan dan sukan. Pelajar cemerlang sedar bahawa penyertaan mereka dalam aktiviti tersebut akan dapat menyihatkan tubuh badan mereka. Badan yang cergas akan membina otak yang cerdas.

Seterusnya pelajar cemerlang ialah pelajar yang bijak menguruskan masa kerana masa ituemas. Pengurusan masa yang terancang membolehkan segala kerja dan program berjalan dengan lancar. Pelajar seperti ini akan menyediakan waktu belajar peribadi di rumah. Pelajar yang merancang jadual waktu sudah pasti dapat menyiapkan kerja rumah, kerja kursus dan membuat ulang kaji secara sistematik.

Ijmalnya, mentimun dan pisau di tangan kita. Justeru, kitalah yang wajar mencorakkan nasib dan masa depan kita, bukannya orang lain. Oleh itu, berusahalah membala jasa kedua-dua orang tua kita yang tersayang dengan menjadi pelajar cemerlang.

Bahagian B

15

Bahagian B

[15 markah]

[*Masa dicadangkan : 25 minit*]

2. Bahan Sastera

Baca petikan puisi di bawah.

Tulis ulasan tentang puisi di bawah dalam bentuk perenggan.

Panjang ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Gulai sepat, gulai tenggiri,
Enak dimakan bersama bonda;
Usah kita meninggi diri,
Walau ilmu penuh di dada.

Tudung periuk, tudung saji,
Dibeli Seri dari Melaka;
Perbuatan baik selalu dipuji,
Perbuatan jahat akan dicerca.

Berlari-lari si anak angsa,
Angsa dibeli di Pulau Rokan;
Merendah diri, *berbudi bahasa*,
Tutur dan kata biar bersopan.

Kain songket kain sutera,
Dipakai orang pada hari keraian;
Amalan baik dipandang mulia,
Boros dan kedekut jangan amalkan.

Bunga mawar cantik tersemat,
Di rambut gadis hati terpikat;
Kepada yang tua mestilah hormat,
Menolong mereka mendapat berkat.

Bahagian B

15

Bahagian B

[15 markah]

[Masa dicadangkan : 25 minit]

Baca petikan sajak di bawah.

Tulis ulasan tentang sajak tersebut dalam bentuk perenggan.

Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara **50 hingga 80 patah perkataan.**

Keluarga Impian


*Impian keluarga
Didikan setulus kasih murni
Agama dan nilai yang utuh
Sedarlah
Melentur buluh biarlah waktu rebungnya*

*Hasrat keluarga
Putera puteri mentaati ibu
Saling berkasih sayang
Saling berganding bahu
Fahamilah
Berat sama dipikul ringan sama dijinjing*

*Keinginan keluarga
Menuruti jejak langkah ibu bapa
Berjaya dalam kerjaya
Berjawatan doktor, pensyarah, juruterbang
Ketahuilah
Bagaimana acuan, begitulah kuihnya*

*Wawasan keluarga
Walau berjaya mencipta nama
Dalam negara dan antarabangsa
Ingatlah
Jangan seperti kacang lupukan kulit*

Bahagian B



Bahagian B

[15 markah]

[Masa dicadangkan : 25 minit]

3. Resepi


Lihat gambar di bawah dengan teliti.

Tulis ulasan kamu tentang cara-cara membuat aiskrim berdasarkan bahan dalam bentuk perenggan.

Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara **50 hingga 80** patah perkataan.



Bahagian B



Bahagian B

[15 markah]


[Masa dicadangkan : 25 minit]

4. Carta Alir

Gambar di bawah menunjukkan carta alir Panduan Sebelum dan Semasa membeli-belah.

Tulis ulasan tentang Panduan Sebelum dan Semasa Membeli-belah tersebut dalam bentuk perenggan.

Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara **50 hingga 80 patah perkataan**.



Bahagian B

15

Bahagian B

[15 markah]

[Masa dicadangkan : 25 minit]

5. Iklan

Gambar di bawah menunjukkan iklan pelancongan.

Tulis ulasan tentang iklan tersebut dalam bentuk perenggan.

Panjang ulasan kamu hendaklah antara **50 hingga 80** patah perkataan.

RAKAMKAN SERIBU KENANGAN SAMBIL MENIKMATI KEINDAHAN SEMULA JADI

Pakej Percutian ke

Tanah Tinggi Cameron Pahang Darul Makmur

- 3 hari dua malam
- Dari Ipoh – RM200 seorang
- Penginapan di hotel, apartmen atau resort
- Makan 3 kali sehari
- Pengangkutan

Tempat-tempat menarik:

- ❖ Antara tempat menarik untuk dikunjungi termasuk ladang teh, ladang bunga ros, ladang strawberi, ladang sayuran, taman rama-rama, taman kaktus, dan ladang orkid.
- ❖ Jualan pelbagai jenis sayur pada malam minggu di bandar Brinchang

Syarikat Pelancongan Sofiros Sdn. Bhd

Telefon: 057216730

Faksimile: 057212288

E-mel : jomelancong15@gmail.com

Bahagian B

15

PENULISAN
(Bahagian C)
MENULIS KARANGAN

Bahagian C

[25 markah]

[Masa dicadangkan : 35 minit]

*Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab **satu soalan** sahaja.*

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah **antara 80 hingga 120 patah perkataan**.*

Soalan 1

Program lawatan sambil belajar merupakan salah satu aktiviti yang menyeronokkan dan mendatangkan banyak kebaikan.

Tuliskan kebaikan yang diperoleh daripada aktiviti ini.

ATAU

Soalan 2

Tahun ini Rosfinah akan menduduki UPSR. Cita-citanya untuk menjadi seorang saintis terkemuka sentiasa bermain-main di fikirannya. Dia sedar untuk mencapai kejayaan yang cemerlang bukannya mudah. Rosfinah mula merancang langkah-langkah yang perlu diambil untuk kejayaannya.

Tuliskan langkah-langkah yang mungkin diambil oleh Rosfinah demi kejayaannya.

Bahagian C

[Lihat halaman sebelah

25

Bahagian C

[25 markah]

[Masa dicadangkan : 35 minit]

*Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab **satu soalan** sahaja.*

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah **antara 80 hingga 120 patah perkataan**.*

Soalan 1

Sekolah kamu akan mengadakan majlis perpisahan murid Tahun Enam. Kamu telah dipilih untuk menyampaikan ucapan sempena majlis tersebut.

Tulis ucapan kamu itu selengkapnya.

ATAU

Soalan 2

Jalan-jalan ke pasar raya
Hendak membeli buah rambutan
Berhati-hati di jalan raya
Jangan lupa jaga keselamatan.

Pergi ke pasar beli rambutan
Rambutan pulasan sedap rasanya
Jangan lupa jaga keselamatan
Keselamatan itu amat beharga

Rambutan pulasan sedap rasanya
Kulitnya tebal manis isi-nya
Kalau kita selalu berwaspada
Kita akan selamat selamanya

Pantun di atas menceritakan tentang kepentingan menjaga keselamatan di jalan raya. Berdasarkan maksud syair tersebut, tulis sebuah karangan tentang langkah-langkah untuk menjaga keselamatan di jalan raya.

Tulis karangan kamu itu selengkapnya.

Bahagian C

[Lihat halaman sebelah

25

Bahagian C

[25 markah]

[Masa dicadangkan : 35 minit]

*Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab **satu soalan** sahaja.*

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah **antara 80 hingga 120 patah perkataan**.*

Soalan 1

Isi penting

- pergi dengan keluarga
- menempah hotel untuk dua hari satu malam
- keesokan melawat tempat menarik
- berasa gembira dapat melawat tempat-tempat yang menarik

Berdasarkan isi penting di atas, tuliskan suatu pengalaman yang pernah kamu lalui.

Tuliskan karangan kamu selengkapnya.

ATAU

Soalan 2

Kau ada di kala ku suka
Di kala ku duka
Setiap tangisan dan juga ketawa
Kau ada di kala ku perlu
Setia menemaniku
Pegang erat tanganku bila aku
jatuh

Kau lah yang selalu
Selalu menemaniku
Mendengar kisah pahit manis
Hidup ku

Kau lah yang di situ
Setia menunggu ku
Kau lah yang satu
Menjadi sahabatku

Rangkap di atas merupakan lirik lagu “Sahabat” nyanyian Najwa Latif.

Berdasarkan lirik lagu tersebut tuliskan satu karangan tentang sahabat kamu.

Tuliskan karangan kamu selengkapnya.

Bahagian C

[Lihat halaman sebelah

25